

# Tubuh Dana Wakaf Pendidikan

UTHM usaha jana pendapatan sendiri tampung keperluan kewangan universiti

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyahut seruan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang mahukan universiti awam mempelbagai sumber penajaan mereka.

Naib Canselornya, Prof Dr Wahid Razzaly berkata, universiti itu telah memperkenalkan satu kaedah penajaan pendapatan iaitu melalui Dana Wakaf Pendidikan UTHM.

Menurutnya, sebaik pra pelancaran diadakan di pekarangan Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM, pihaknya telah menerima sumbangan wakaf bernilai RM50,000 daripada Azemi Mahat Group Bhd.

"Pihak Majlis Agama



Wahid (dua, kanan) ketika pelancaran Dana Wakaf Pendidikan UTHM yang diadakan di pekarangan Perpustakaan Tunku Tun Aminah.

Islam Johor (Maij) telah memberikan status Nazir Khas kepada UTHM yang membolehkan pihak universiti melaksanakan inisiatif wakaf ini.

"Dengan kebenaran berkenaan, UTHM kini menggalas tanggungjawab tersebut dengan menyediakan alter-

natif dan platform kepada seluruh warganya serta masyarakat untuk melakukan ibadah wakaf," katanya.

Beliau berkata, dana wakaf yang dikumpulkan itu akan dilaburkan di dalam instrumen patuh syariah, manakala faedah dan keuntungan hasil daripada pelaburan

akan diagihkan kepada penerima (Mawquf Alaih) yang layak.

"Ia akan diberikan kepada penerima wakaf ini dalam bentuk biasiswa, bantuan kewangan serta kemudahan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan, yang ke semuanya bertujuan untuk

**Pihak Majlis Agama Islam Johor (Maij) telah memberikan status Nazir Khas kepada UTHM yang membolehkan pihak universiti melaksanakan inisiatif wakaf ini."**

- Wahid

menuntut ilmu," katanya.

Wahid berkata, mereka yang berminat untuk menjadi penyumbang boleh melaksanakannya dengan pelbagai cara mudah.

Katanya, selain sumbangan terus ke tabung yang disediakan, UTHM juga memperkenalkan skim potongan gaji bulanan staf pembayaran di kaunter Pejabat Bendahari UTHM dan sumbangan secara dalam talian.

"Maklumat lanjut mengenai Wakaf Pendidikan

UTHM boleh dicapai melalui laman web [wakaf.uthm.edu.my](http://wakaf.uthm.edu.my) atau dengan menghubungi talian 074537023.

"Pihak UTHM mengalu-alukan sumbangan semua pihak sama ada penyumbang individu mahupun syarikat dalam menjayakan inisiatif wakaf ini," katanya.

Menurutnya, usaha pengumpulan dana wakaf itu akan dilaksanakan secara berterusan oleh pihak universiti sebagai salah satu kebajikan khusus untuk pelajar dan juga masyarakat.